



*Menarik Di Dalam*



**Naskah Percuma**

**AUDIT PEMATUHAN MS ISO 9001:2008**  
MS ISO 9001:2008 COMPLIANCE AUDIT

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2015**  
EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY 2015

**5**

**20**





**SIDANG REDAKSI**


**Penaung** Tn. Haji Abd. Hamid Bin Hussain  
Yang Dipertua MPAJ

**Penasihat** Tn. Haji Hasrolnizam Bin Shaari  
Timbalan Yang Dipertua

**Ketua Editor** Pn. Rosliza Binti Mohd  
Pengarah  
Jabatan Perancangan Korporat

**Sidang Editor** En. Mohd Fareez Bin Normanshah  
Pn. Haslana Binti Annuar Hashim

**Pembantu Penerbitan  
Fotografi** Pn. Zaleha Binti Salleh  
En. Mohd Yusof Bin Yaacob



**JABATAN / BAHAGIAN**

Talian Utama (Operator)  
Faksimile  
Hotline (24 Jam)  
Talian Bebas Tol Aduan  
Pantas (Bencana Alam 24 Jam)  
Kaunter Khidmat Pelanggan  
• Kaunter Pertanyaan  
• Kaunter Eksekutif Pelanggan  
Pejabat Yang Dipertua  
Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha  
Jabatan Perbendaharaan  
Jabatan Perancangan Korporat  
Jabatan Penguatkuasa  
• Stor  
• Trafik  
Jabatan Belia & Masyarakat  
Jabatan Bangunan & Senibina  
Jabatan Perancang Bandar  
Jabatan Kejuruteraan  
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta  
Jabatan Pelesenan  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Jabatan Undang-Undang  
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)  
Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)  
Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat  
Bahagian Ukur Bahan  
Bahagian Audit Dalam

**NO TELEFON**

03 - 4296 8000  
03 - 4296 8050 / 8060  
03 - 4296 8100  
1-800-22-8100  
03 - 4280 9050  
  
03 - 4296 8046  
03 - 4296 8357  
03 - 4296 8090  
03 - 4296 8099  
03 - 4296 8004  
03 - 4297 5470  
03 - 4296 8024  
03 - 4296 8025  
03 - 4280 7325  
03 - 4296 8012  
03 - 4296 8009  
03 - 4296 8008  
03 - 4296 5887  
03 - 4296 8072  
03 - 4280 3944  
03 - 4296 8007  
03 - 4296 8037  
03 - 4296 8016  
03 - 4280 4675  
03 - 4280 5102  
03 - 4296 8271  
03 - 4297 4424  
03 - 4296 8188

**MAJLIS PELANCARAN  
BAS SMART SELANGOR**

Disempurnakan oleh  
**YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali,  
Dato' Menteri Besar Selangor**

Majlis Pelancaran Bas SMART Selangor bagi kawasan pentadbiran MPAJ telah diadakan pada 5 Januari 2016 bertempat di Jalan Ukay Perdana 2/1. Majlis yang bermula jam 9 pagi ini telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali dan dihadiri oleh Barisan Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan pentadbiran MPAJ, Orang Besar Daerah Gombak, Ahli Majlis MPAJ, Ahli Jawatankuasa Penduduk serta Persatuan Penduduk di sekitar kawasan Ukay Perdana.

MPAJ adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-5 yang melaksanakan Bas SMART Selangor bermula 1 Januari 2016. Sebanyak 4 buah bas dengan peruntukan RM 1.2 juta telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pihak MPAJ bagi pelaksanaan projek Bas SMART Selangor di sekitar kawasan Ukay Perdana, Kampung Sungai Sering dan AU Keramat. Perkhidmatan bas percuma ini beroperasi setiap hari dari jam 6 pagi hingga 10 malam dengan kekerapan perjalanan 15 hingga 20 minit. Setiap bas mempunyai kapasiti 60 orang penumpang, mesra OKU, bebas halangan serta menyediakan Sistem Maklumat Penumpang dan Perkhidmatan WiFi.



**LALUAN BAS  
KAWASAN MPAJ**



**THE LAUNCHING CEREMONY  
OF SELANGOR SMART BUS**

Officiated by  
**YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali,  
Selangor Chief Minister**

The launching ceremony of Selangor SMART Bus for the administration area of MPAJ was held on 5 January 2016 at Jalan Ukay Perdana 2/1. The ceremony which began at 9 am was officiated by YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali. Present at the function were Selangor Exco Members, Selangor State Secretary, Parliament Members and State Assemblymen for the administration area of MPAJ, "Orang Besar Daerah Gombak", MPAJ Councilors, Residents' Associations in the area of Ukay Perdana.

MPAJ was the 5th local authority to implement the Selangor SMART Bus program starting 1 January 2016. 4 buses with the provisions of RM 1.2 million have been submitted by the Selangor State Government for the implementation of Selangor SMART Bus at the area of Ukay Perdana, Kampung Sungai Sering and AU Keramat. The free bus service operates daily from 6 am to 10 pm with a frequency of 15 to 20 minutes. Each bus has a capacity of 60 passengers, OKU (persons with disability) friendly, barrier-free and offers facilities such as Passenger Information System and WiFi Services.




## SEMINAR JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) SIRI 2

MPAJ telah menganjurkan Seminar Jawatankuasa Penduduk (JKP) Siri 2 pada 10 Januari 2016 bertempat di Kelab Darul Ehsan (KDE). Seminar ini dianjurkan bagi memberi pendedahan dan penerangan kepada semua Ahli Jawatankuasa Penduduk di kawasan pentadbiran MPAJ tentang fungsi dan peranan JKP terhadap masyarakat setempat di kawasan masing-masing. Seminar ini juga adalah ruang terbaik bagi MPAJ untuk mewujudkan hubungan dua hala dengan pihak penduduk dalam usaha penyampaian maklumat terkini kepada penduduk. Seminar yang dirasmikan oleh Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain turut dihadiri oleh Ahli Majlis MPAJ, Jawatankuasa Penduduk (JKP), Badan Pengurusan Bersama (JMB), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Ahli Jawatankuasa Masjid, media dan penduduk setempat. Seramai 157 peserta turut memberi input kepada pihak MPAJ dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk dan pelanggan. Antara yang menyampaikan taklimat pada seminar tersebut adalah En. Johari Bin Atli, Pengarah Jabatan Undang-undang merangkap Penolong Setiausaha MPAJ; Pn. Zuraina Binti Said, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ.

## RESIDENTS COMMITTEE SEMINAR (JKP) SERIES 2

MPAJ has organized a Residents Committee (JKP) Seminar Series 2 on 10 January 2016 at Kelab Darul Ehsan (KDE). The seminar was organized to give exposure and information to all members of the Residents' Committee on their functions and roles to facilitate communities in their respective areas. This was the best forum for MPAJ to establish bilateral relations with the residents in order to convey the latest information to the residents. The seminar was inaugurated by MPAJ's President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain. It was also attended by MPAJ's Councilors, Residents Committee (JKP), Joint Management Bodies (JMB), Neighbourhood Watch (KRT), Mosque Committee Members, the media and local residents. A total of 157 participants also provide input to MPAJ to strengthen the delivery of services to residents and customers. Among the officers who delivered briefing during the seminar were En. Johari Bin Atli, Legal Department Director cum Assistant Secretary of MPAJ; Pn. Zuraina Binti Said, Town Planning Department Director of MPAJ.



## AUDIT PEMATUHAN MS ISO 9001:2008

Empat orang Juruaudit daripada SIRIM QAS International telah hadir ke MPAJ pada 11 hingga 13 Januari 2016 bagi melaksanakan Audit Pematuhan MS ISO 9001:2008. Pasukan ini diketuai oleh En. Muhammad Fadhlullah Bin Rahmat dan dibantu oleh Puan Norhasifah Binti Abdul, Puan Hawa Binti Maarof serta Dr. Montaj Mohamad. Semua jabatan telah disemak dari sudut pematuhan ke atas prosedur MS ISO 9001:2008. Barisan Juruaudit berpuas hati dengan pelaksanaan MS ISO 9001:2008 di MPAJ dan telah menyokong penyambungan pensijilan. Walau bagaimanapun terdapat 1 Laporan Ketidakakuran (NCR) Minor dan 11 Peluang Penambahbaikan (OFI) yang diterima oleh pihak MPAJ. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Post Mortem yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ telah diadakan pada 14 Januari 2016 bagi mengenalpasti punca masalah dan menggariskan tindakan pembetulan serta pencegahan yang perlu dilakukan oleh pihak MPAJ.

## MS ISO 9001:2008 COMPLIANCE AUDIT

MS ISO 9001:2008 Compliance Audit was held on 11 until 13 January 2016 by four auditors from SIRIM QAS International. It was led by En. Fadhlullah Muhammad Bin Rahmat and assisted by Puan Norhasifah Binti Abdul, Puan Hawa Binti and Dr. Maarof Montaj Mohamad. MPAJ Internal Departments were audited on the compliance of MS ISO 9001: 2008 procedures. As a result, auditors were satisfied with the implementation of MS ISO 9001: 2008 in MPAJ and suggested the extension of certification. However, there are 1 minor Non-Conformity Report (NCR) and 11 Opportunities for Improvement (OFI) received by MPAJ. Accordingly, the Post Mortem Meeting chaired by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Deputy President of MPAJ was held on 14 January 2016 to identify the cause of the problem and outlining the corrective and preventive actions that should be taken by all departments.





**PEMERIKSAAN DAN PENGAUDITAN  
STAR RATING KEBERSIHAN  
TANDAS KEGUNAAN AWAM DI  
KAWASAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN OLEH MAJLIS  
PERBANDARAN AMPANG JAYA**


Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2012

Bagi mematuhi keperluan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2012 (kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), pihak MPAJ telah mengadakan Pengauditan Star Rating Kebersihan Tandas Kegunaan Awam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan pada 23 dan 24 Januari 2016 serta 18 Februari 2016. Garis panduan ini digunakan untuk pemeriksaan dan pengauditan kebersihan tandas awam di kawasan PBT dan tandas-tandas lain yang terdapat di kawasan PBT seperti pusat membeli-belah, restoran dan premis makanan, stesen minyak, Pusat Pengajian Tinggi Awam / Swasta, sekolah, jeti, lapangan terbang, pintu masuk utama Negara, terminal bas, terminal keretapi, rumah ibadat, taman rekreasi, pusat peranginan dan bangunan kerajaan.

Pengauditan Star Rating ini dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa yang terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP), Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dan Pembantu Kesihatan Awam (PKA). Berikut adalah ringkasan laporan pemeriksaan yang telah dilakukan pada bulan Januari dan Februari 2016 :

Tarikh	23 Januari 2016	24 Januari 2016	18 Februari 2016	18 Februari 2016
Masa	11:30 pagi - 1:00 tengahari	10:30 pagi - 11:15 pagi	10:30 pagi - 11:15 pagi	10:30 pagi - 11:30 pagi
Tempat	Tesco Ampang	SMK Lembah Keramat	Axis Atrium, Ampang	Mid Point Shopping Complex, Pandan Indah
Jumlah Anggota	7 orang	4 orang	4 orang	4 orang
Markah / Bintang Yang Diperolehi	4 bintang	1 bintang *	4 bintang	4 bintang
%	(87.5%)	(51%)	(81%)	(85%)

\* Surat makluman telah dikeluarkan kepada pihak sekolah untuk membaiki tahap kebersihan tandas.



**STAR RATING INSPECTION AND  
AUDIT ON PUBLIC TOILETS IN LOCAL  
AUTHORITIES AREA BY AMPANG  
JAYA MUNICIPAL COUNCIL**

Align with the instruction from Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government, a Star Rating inspection and audit on public toilets in MPAJ administration area was held on 23 & 24 January 2016 and 18 February 2016. Inspection was held based on the public toilets cleanliness guidelines at all public places such as shopping malls, restaurants and food outlets, petrol stations, education institutions, schools, jetty, airports, State's main entrance, bus terminal, railway terminal, synagogues, parks, leisure centers and government buildings.

The Star Rating Audit was conducted by examiners consisting of Environmental Health Officer (PKP), Assistant Environmental Health Officer (PPKP) and Public Health Assistant (PHA). Listed below are the summary of the audit report conducted in January and February 2016 :

Date	23 January 2016	24 January 2016	18 February 2016	18 February 2016
Time	11:30 am - 1:00 pm	10:30 am - 11:15 am	10:30 am - 11:15 am	10:30 am - 11:30 am
Venue	Tesco Ampang	SMK Lembah Keramat	Axis Atrium, Ampang	Mid Point Shopping Complex, Pandan Indah
Officers	7	4	4	4
Marks / Star(s) Obtained	4 stars	1 star*	4 stars	4 stars
%	(87.5%)	(51%)	(81%)	(85%)

\* Notification letter was issued to improve the school's toilet cleanliness.



**TAKLIMAT KHAS SISTEM  
PENARAFAN BINTANG  
- PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
(SPB-PBT) 2015**

Satu Taklimat Khas Sistem Penarafan Bintang - Pihak Berkuasa Tempatan 2015 telah diadakan pada 28 Januari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Aras 16 Menara MPAJ. Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ manakala sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Muhammad Ziyad Izdihar Bin Lim, Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Dasar dan Inspektorat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Taklimat yang dihadiri oleh semua ketua jabatan dalaman MPAJ dilihat sebagai salah satu usaha dalam memperkasakan persiapan MPAJ sebelum menerima kunjungan daripada barisan panel pemeriksa SPB-PBT.

**SPECIAL BRIEFING ON STAR RATING  
SYSTEM - LOCAL COUNCILS  
(SPB-PBT) 2015**

A special briefing session on Star Rating System - Local Authorities (SPB-PBT) 2015 was held on 28 January 2016 at Bunga Tanjung Conference Room. The briefing was chaired by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Vice President of MPAJ while the briefing was presented by En. Muhammad Ziyad Izdihar Bin Lim, Head of Assistant Secretary at the Policy and Inspectorate Division, Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government. The briefing that was attended by all heads of departments in MPAJ was one of the efforts to strengthen the preparation of MPAJ towards the visit by SPB-PBT panel.



## PEMETAAN KOMUNITI DAN AMARAN AWAL TANAH RUNTUH MELALUI KAEDAH PENGUMPULAN SUMBER ORANG AWAM (CROWDSOURCING)

Taklimat dan Bengkel Pemetaan  
Komuniti

Selari dengan Memorandum Persefahaman (MOU) antara MPAJ dengan pihak OYO Corporation dan SlopeWatch bagi projek Pemetaan Komuniti dan Amaran Awal Tanah Runtuhan Melalui Kaedah Pengumpulan Sumber Orang Awam (Crowdsourcing For Community Mapping and Early Warning of Landslide), beberapa program telah dirancang bersama-sama dengan komuniti di sekitar Bukit Antarabangsa bagi merealisasikan pelaksanaan projek tersebut. Pada 30 Januari 2016 telah berlangsung sesi taklimat dan bengkel pemetaan komuniti bertempat di Kondominium Sinaran Ukay, Bukit Antarabangsa. Program ini adalah persediaan awal bagi majlis perasmian projek selepas penempatan stesen alat pengukur hujan di Jalan Wangsa 11, Bukit Antarabangsa oleh pihak OYO Corporation.



## CROWDSOURCING FOR COMMUNITY MAPPING AND EARLY WARNING OF LANDSLIDE

Briefing and Workshop on  
Community Mapping

In line with the Memorandum of Understanding (MOU) between MPAJ and OYO Corporation and SlopeWatch for the Crowdsourcing for Community Mapping and Early Warning of Landslide, several programs have been planned with communities around Bukit Antarabangsa to implement the project. On 30 January 2016, a briefing and workshop on community mapping was held at Sinaran Ukay Condominium, Bukit Antarabangsa. This program is an early preparation for the launching ceremony of the project after the placement of rain gauge station in Jalan Wangsa 11, Bukit Antarabangsa by OYO Corporation.

## Pertandingan Ponggal Peringkat MPAJ 2016

MPAJ telah menganjurkan Pertandingan Ponggal Peringkat MPAJ bersempena dengan sambutan perayaan Ponggal pada 30 Januari 2016 bertempat di Tempat Letak Kereta, Padang Perbandaran Ampang Jaya. Upacara yang dilakukan semasa sambutan perayaan ini ialah memasak beras bersama susu lembu sehingga melimpah dari periuk. Perbuatan membiarkan masakan itu melimpah dikenali sebagai Ponggal dalam bahasa Tamil. Ponggal bermakna "melimpah-ruah" yang menggambarkan hasil tuaian (rezeki) yang banyak. Pertandingan adalah terbuka kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan pentadbiran MPAJ. Pemenang tempat pertama bagi Kategori Sekolah Menengah adalah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Gombak manakala tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah Taman Kosas dan tempat ketiga adalah Sekolah Menengah Taman Seraya. Bagi Kategori Sekolah Rendah pula, Sekolah Kebangsaan Pandan Indah mendapat tempat pertama diikuti Sekolah Rendah Tamil Ampang di tempat kedua manakala Sekolah Kebangsaan Taman Kosas di tempat ketiga. Para pemenang membawa pulang hadiah wang tunai yang telah disampaikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ. Turut hadir memeriahkan majlis adalah Puan Yogayswari A/P Ramalu, Ahli Majlis MPAJ dan En. Khairilazhar Bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ.



**MPAJ's Ponggal Competition 2016**

In conjunction with the Ponggal Celebration, MPAJ hosted a Ponggal Competition on 30 January 2016 at Padang Perbandaran Ampang Jaya. Ceremony performed during the celebration of Ponggal is cooking rice with cow's milk until it overflows from the pot. The act of letting the cuisine overflows is known as Ponggal in Tamil. Ponggal means "bountiful" which depicting abundant harvests (sustenance). The Ponggal Competition is open to all primary and secondary schools in the administrative area of MPAJ. The first place winner for the secondary school category is the Gombak Community Rehabilitation Centre (PDK) while second place went to Sekolah Menengah Taman Kosas and third place was Sekolah Menengah Taman Seraya. For the Primary School category, Sekolah Kebangsaan Pandan Indah won first place followed by Sekolah Rendah Tamil Ampang in second place while Sekolah Kebangsaan Taman Kosas had third place. The winners received cash prizes which were presented by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Vice President of MPAJ. Also present at the ceremony were Puan Yogayswari A/P Ramalu, MPAJ's Councilor and En. Khairilazhar Bin Ismail, Director of MPAJ's Youth and Community Development Department.




## MAJLIS PERASMIAN KELADI ADVENTURE TRACK (K.A.T), UKACC.KL

Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ telah merasmikan program Keladi Adventure Track (K.A.T), UKACC.KL pada 31 Januari 2016 bertempat di Padang Bola Awam AU2 Keramat. Majlis ini telah berjaya mengumpulkan peminat-peminat Remote Control (RC) Crawler yang hadir bagi menyertai pertandingan "Fun Race Keladi Adventure Track (KAT)". Walaupun terdapat segelintir masyarakat yang menganggap permainan ini keanak-anakan namun cabaran mengendalikan kenderaan mini ternyata tidak jauh beza seperti memandu kenderaan 4x4 sebenar. Ini adalah antara punca permainan ini mendapat perhatian di kalangan pemain dewasa. Remote Control (RC) Crawler adalah permainan alat kawalan jauh pacuan empat roda 4x4 yang semakin popular dewasa ini. Kenderaan ini biasanya meluncur perlahan melepasi laluan berliku, berbatu serta struktur tanah yang tidak rata termasuk lumpur dan selut menyamai skala 1:1 iaitu pacuan kenderaan 4x4 yang sebenar.



## LAUNCHING CEREMONY OF KELADI ADVENTURE TRACK (K.A.T), UKACC.KL

Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, President of MPAJ launched the Keladi Adventure Track (K.A.T) UKACC.KL program on 31 January 2016 at the Padang Bola Awam AU2 Keramat. The event has brought together fans of Remote Control (RC) Crawler which participated in the Keladi Fun Adventure Race Track (KAT) competition. Some people might think that playing with remote control cars is a childish game, but controlling mini vehicles is a challenging task similar with driving a real 4x4 vehicles. This is one of many reasons which attract attention among adult players. Remote Control (RC) Crawler is a 4x4 four-wheel drive remote control game that is increasingly popular these days. These vehicles usually move slowly passing winding route, rocky and uneven ground structures including mud and ooze which match the scale of 1:1, a real 4x4 vehicle.



## HARI PEMERIKSAAN KESIHATAN PERINGKAT MPAJ 2016

Sejauh mana kita menyedari kepentingan menjalani pemeriksaan kesihatan? Kebanyakan daripada kita kurang sedar tentang keperluannya dalam memelihara kesihatan. Ujian saringan adalah kajian atau penilaian untuk mengesan simptom awal penyakit kronik bagi memudahkan pencegahan dan rawatan. Ujian asas yang lazim dilakukan semasa pemeriksaan kesihatan adalah semakan tekanan darah, kandungan gula dalam darah dan paras kolesterol dalam darah untuk mengesan penyakit-penyakit kronik berkaitan jantung. Menyedari kepentingan penjagaan dan pemeriksaan kesihatan warga kerja MPAJ, pihak Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ telah mengadakan kerjasama strategik dengan hospital serta klinik-klinik panel MPAJ untuk menganjurkan Hari Pemeriksaan Kesihatan Peringkat MPAJ pada 17 Februari 2016 bertempat di Galeri Aras 4, Menara MPAJ. Program ini ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan apabila majoriti warga kerja MPAJ mengambil peluang untuk melakukan pemeriksaan kesihatan masing-masing. Setiap kakitangan kemudiannya perlu melalui proses perundingan dengan pihak doktor bagi membincangkan tahap kesihatan masing-masing. Diharapkan agar usaha ini dapat membantu pegawai serta kakitangan MPAJ mempertingkatkan dan memperbaiki tahap kesihatan masing-masing.



## MPAJ HEALTH SCREENING DAY

Do we know the importance of health screening? Most of us are less aware of the needs of health screening. Health screening test is a study or assessment to detect early symptoms of chronic diseases in order to facilitate prevention and treatment. Basic tests that are commonly done during medical examination are blood pressure checkup, blood sugar test and inspection on cholesterol level in our blood to detect chronic diseases related to the heart. Realizing the importance of care and health checkup of MPAJ's employees, the Administration

Department of MPAJ hosted a Health Screening Day on 17 February 2016 with a little help from our panels of hospital and clinic. The program that was held at Gallery, Menara MPAJ received an overwhelming response when majority of employees took the opportunity to check their health. Each employee then needs to go through a consultation process with the doctor to discuss their health. It is hoped that this effort will help officers and employees of MPAJ to enhance and improve their health.



# AN SEPAK TAKRAW MPAJ 2016

Piala YDP MPAJ 2016 telah berlangsung pada 27 dan 28 Februari di Dewan Lembah Jaya. Kejohanan pada tahun ini menyaksikan 30 pasukan yang melibatkan 120 orang peserta. Johan bagi Kejohanan Sepak Takraw MPAJ bagi tahun 2016 adalah pasukan Bukit Antarabangsa yang dijuarai oleh johan disandang oleh pasukan AU3 (kump A). Kedudukan kedua dijuarai bersama oleh pasukan Taman Ahmad Razali dan pasukan Bukit Antarabangsa. Para pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai, trofi dan pingat. YB. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri Lembah Jaya; dan Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ bagi memeriahkan program serta menyampaikan hadiah kepada pemenang.

## MPAJ'S PRESIDENT CUP SEPAK TAKRAW CHAMPIONSHIP 2016

Sepak Takraw Championship 2016 took place on 27 and 28 February 2016 at the Dewan Lembah Jaya. 30 teams involving 120 participants participated in this year's championship. Bukit Antarabangsa team (group D) won first place while second place goes to AU3 team (group A). Third place was held jointly by the Taman Ahmad Razali team and Bukit Antarabangsa (group C). All winners walk away with cash prize, a trophy and medals. YB. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz, Lembah Jaya Member of Legislative Assembly (ADUN); and Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Vice President of MPAJ also attended the program and deliver prizes to the winners.



## LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH (MPJBT)

### Pengurusan Kawalan Bangunan dan Prosedur OSC 3.0

Seramai 25 orang pegawai daripada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) telah hadir ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi berkongsi maklumat dan kepakaran berkaitan proses kerja di bawah Jabatan Bangunan dan Senibina serta Bahagian OSC. Antara kepakaran yang dikongsi bersama dengan MPJBT adalah prosedur OSC 3.0, permohonan tambahan / ubahsuai bangunan, pengeluaran CCC/CFO dan kawalan bahan / sisa binaan. Lawatan yang berlangsung pada 23 Februari 2016 ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ dan turut dihadiri oleh Puan Lily Hamaddah Binti Ramle, Ketua Bahagian OSC; En. Ahmad Alhairi bin Mohamed Yusuf, Pengarah Jabatan Bangunan & Senibina; serta kakitangan daripada jabatan dalaman MPAJ. Rombongan pegawai daripada MPAJ pula diketuai oleh Cik Haryati Binti Abdul Rahman, Ketua Jabatan Bangunan.

## BENCHMARKING VISIT FROM JOHOR BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL (MPJBT)

### Building Control Management and OSC 3.0 Procedures

A total of 25 officers from the Johor Bahru Tengah Municipal Council (MPJBT) visited Ampang Jaya Municipal Council to share information and expertise on business process under the Building & Architecture Department and OSC Division. Among knowledge shared with MPJBT were OSC 3.0 procedure, building supplement / modification application, certification of CCC / CFO, and control on materials / construction waste. The visit which took place on 23 February 2016 was chaired by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Vice President of MPAJ and was also attended by Puan Lily Hamaddah Binti Ramle, Head of OSC Division; En. Ahmad Alhairi bin Mohamed Yusuf, Director of Building & Architecture Department; and representatives from internal Departments of MPAJ. Delegation from MPJBT was led by Cik Haryati Bin Abdul Rahman, Head of Building Department.





# MEMORANDUM Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

Unit Kewangan

# BENCHMARKING VISIT FROM KUALA SELANGOR DISTRICT COUNCIL (MDKS)

Financial Management

Seorang pegawai dan kakitangan baharu, Majlis Daerah Kuala Selangor bagi menandaaras pengurusan kewangan. Puan Maizatul Hanisa Binti M. Isa telah menyampaikan pengetahuan berkaitan dengan ePBT, Pengurusan Bajet dan Penyediaan Laporan MPAJ. Delegasi daripada Majlis Daerah Kuala Selangor dipimpin oleh Puan Liliانا Binti Ahmad, Pengarah Unit Kewangan.

On 3 March 2016, a total of 10 officers from the Treasury Department of Kuala Selangor District Council (MDKS) visited MPAJ to benchmark the financial management of the council. Puan Maizatul Hanisa Binti M. Isa delivered the presentation to share knowledge related to the use of ePBT system, Budget Management and Financial Statement Preparation of MPAJ. MDKS's delegation was led by Puan Liliانا Binti Ahmad, Director of MDKS Treasury Department.




## ◆ SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PENDUDUK DESA UKAY HEIGHTS

Tarikh : 8 Januari 2016  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 16 Menara MPAJ

## DIALOGUE SESSION WITH THE REPRESENTATIVE OF DESA UKAY HEIGHTS RESIDENTS

Date : 8 January 2016  
Venue : Conference Room, Level 16, Menara MPAJ



## ◆ KUNJUNGAN HORMAT PERSATUAN PENDUDUK UKAY PERDANA 4 (PPUP4)

Tarikh : 27 Januari 2016  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 17 Menara MPAJ

## VISIT FROM THE UKAY PERDANA 4 RESIDENTS ASSOCIATION (PPUP4)

Date : 27 January 2016  
Venue : Conference Room, Level 17, Menara MPAJ



## ◆ KUNJUNGAN HORMAT PERSATUAN PENDUDUK TAMAN SRI UKAY HILL VIEW

Tarikh : 27 Januari 2016  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 17 Menara MPAJ

## VISIT FROM THE TAMAN SRI UKAY HILL VIEW RESIDENTS ASSOCIATION

Date : 27 January 2016  
Venue : Conference Room, Level 17, Menara MPAJ





## PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN MPAJ OLEH JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI SELANGOR

## AUDIT ON PROCUREMENT MANAGEMENT OF MPAJ BY THE NATIONAL AUDIT DEPARTMENT OF SELANGOR

Tiga (3) juruaudit daripada Jabatan Audit Negara telah hadir ke MPAJ bagi menjalankan kerja-kerja auditan pengurusan perolehan MPAJ bermula Disember 2015 hingga Mac 2016. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MPAJ telah dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan secara tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus yang dilaksanakan oleh MPAJ bagi tahun 2013 hingga Disember 2015. Pihak Audit Negara telah menyenaraikan beberapa penemuan bagi tujuan penambahbaikan pihak pengurusan MPAJ.

Three (3) auditors from the National Audit Department audited the procurement management of MPAJ from December 2015 to March 2016. The audit was conducted to evaluate whether the acquisition of MPAJ was implemented properly and achieve the objectives set. The audit covers the management of procurement via tenders, quotations, direct negotiations and direct purchases implemented by MPAJ for the duration of 2013 until December 2015. The National Audit Department has listed a few findings for the purpose of improving the procurement management of MPAJ.



## MAJLIS PENYERAHAN TIKET PIALA SULTAN SELANGOR 2016

## THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP 2016 Handing Over Ceremony of The Tickets

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Abd. Karim Bin Munisar, Pengerusi dan Pengurusan Pasukan Piala Sultan Selangor telah hadir ke Menara MPAJ bagi Majlis Penyerahan Tiket Piala Sultan Selangor 2016 pada 31 Mac 2016. Majlis yang berlangsung di lobi Aras 4 Menara MPAJ turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis MPAJ selaku wakil Jawatankuasa Penduduk (JKP) zon masing-masing, Ketua Jabatan dalaman MPAJ serta wakil kelab bola sepak di sekitar pentadbiran MPAJ.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Abd. Karim Bin Munisar, Chairman and Manager of the Sultan of Selangor's Cup Team distributed the tickets for the Sultan of Selangor's Cup 2016 on 31 March 2016. The ceremony which took place at the lobby of Menara MPAJ was attended by MPAJ's Councilors as representatives of each Residents Committee (JKP), internal head of departments and football clubs in the administration area of MPAJ.





## KURSUS PERUBAHAN ISO 9001:2008 KEPADA ISO 9001:2015

### Taklimat Kepada Pengurus Dokumen Jabatan MPAJ

Tiga (3) orang pegawai daripada MPAJ telah menghadiri kursus Perubahan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 yang dianjurkan oleh pihak SIRM STS Sdn Bhd pada 16 hingga 17 Mac 2016. Rentetan daripada kursus tersebut, satu sesi taklimat kepada semua pengurus dokumen jabatan dalam MPAJ telah diadakan pada 6 April 2016 bertempat di Bilik Kursus Aras 9, Menara MPAJ. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ merangkap Wakil Pengurus MS ISO 9001:2008 MPAJ. Carta perbatuan perubahan dari ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 turut dibentangkan dan dimaklumkan kepada semua pengurus dokumen jabatan bagi memastikan sasaran persijilan ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM tercapai.



#### Fakta ISO 9001:2015 :

- Keperluan yang jelas untuk "pemikiran berasaskan risiko" bagi menyokong dan meningkatkan kefahaman serta penggunaan pendekatan proses;
- Keperluan yang ditetapkan dikurangkan dan ianya lebih berasaskan prestasi;
- Kurang penekanan terhadap dokumen;
- Meningkatkan kesesuaian terhadap perkhidmatan;
- Intisari teks, struktur dan definisi diseragamkan bagi membolehkan organisasi mencapai kesepaduan dan pelaksanaan yang lebih baik dengan menggunakan pelbagai sistem pengurusan.

## COURSE ON TRANSITION FROM ISO 9001:2008 TO ISO 9001:2015

### Briefing for ISO Documents Managers of MPAJ

Three (3) officers of MPAJ attended a course on transition process from ISO 9001: 2008 to ISO 9001: 2015 which was organized by SIRM STS Sdn Bhd on 16 until 17 March 2016. Thereafter, a briefing to all MPAJ's document managers was held on 6 April 2016 at Menara MPAJ. The briefing was presented by Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department cum ISO Management Representative of MPAJ. The transition milestone from ISO 9001: 2008 to ISO 9001: 2015 was also presented to ensure smooth changes on the document management in ensuring to achieve the top level management's target in getting certified with the latest version by end of 2016.

#### Facts on ISO 9001:2015 :

- The need is clear for a "risk-based thinking" to support and enhance the understanding and use of the process approach;
- The requirement is reduced and it is based on performance;
- Less emphasis on the document;
- Increase the suitability on services;
- Summary text, structure and definition standardized to enable the organization to achieve integration and better performance by using multiple management systems.

## MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT MPAJ 2016

### (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF)

Sebagai salah satu usaha membudayakan inovasi di kalangan warga kerja MPAJ, Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat MPAJ 2016 telah dianjurkan pada 18 dan 19 April 2016 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Program tahunan ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ dan turut dihadiri oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua; Tuan Johari Bin Atli, Penolong Setiausaha; dan semua pengarah Jabatan dalam MPAJ. Penyertaan daripada semua jabatan / bahagian utama adalah diwajibkan kecuali jabatan yang diberi pengecualian kerana telah mengharumkan nama MPAJ di persada negeri, kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2015. Berikut adalah senarai nama kumpulan KIK yang bertanding :

NAMA KUMP.	JABATAN	TAJUK PROJEK
ARCH	Jab. Bangunan & Senibina	Kelemahan Keselamatan Pada Pelekat Kelulusan
Interaktif	Bhg. Audit Dalam dan Bhg. Ukur Bahan	Pengurusan Perolehan Sebut harga dan Tender Tidak Efisien
Syukur	Jab. Belia & Masyarakat	Kekurangan Pekerja Buruh
Stadt Planner	Jab. Perancang Bandar	Masalah Berurusan Dengan Pelanggan Di Kaunter Jabatan Perancang Bandar
D'ezy License Team	Jab. Pelesenan	Pengurusan Permit Kerusi Meja Kurang Efisien
Revolusi KHP	Jab. Khidmat Pengurusan	Laporan Kehadiran MPAJ Kurang Efisien
Hotspot Crew	Jab. Perkhid. Perbandaran & Kesihatan	Perbandingan Kaedah Larvaciding dan Forging Bagi Mencegah Pembiakan Nyamuk
PK Tech	Jab. Penguatkuasa	Pengurusan Aduan Halangan Motosikal Di Tempat Awam Tidak Efisien

## PUBLIC SERVICES INNOVATION ARENA (MPAJ LEVEL) 2016

### (FORMERLY KNOWN AS INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE CONVENTION)

As one of MPAJ's initiatives in encouraging innovation culture among its employees, Public Services Innovation Arena for MPAJ Level was held on 18 and 19 April 2016 at the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ. This annual program was officiated by Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, the President of MPAJ himself. The program was also attended by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, MPAJ's Vice President; Tuan Johari Bin Atli, MPAJ's Assistant Secretary; and all internal Head of Departments. Participation from all departments was compulsory except for departments that were exempted after represented MPAJ at state, nationally and internationally level in the year 2015. Listed below were the competing groups :

NAME	DEPARTMENT	PROJECT TITLE
ARCH	Building and Architecture Department	Security Weaknesses On Approval Stickers
Interaktif	Internal Audit Div. and Quantity Surveyor Div.	Inefficient Procurement and Tender Management
Syukur	Youth & Community Department	Lack of Labor Workers
Stadt Planner	Town Planning Department	Problems Dealing With Customer At The Counter of Urban Planning Department
D'ezy License Team	Licensing Department	Less Efficient of Chairs And Tables Permit Management
Revolusi KHP	Administration Department	Less Efficient of MPAJ's Attendance Report
Hotspot Crew	Urban Services & Health Department	Comparison Between Larvaciding And Forging To Prevent Mosquito Breeding
PK Tech	Enforcement Department	Inefficiency of Motorcycles Obstacles in Public Places Complaint Management







## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2015

## EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY 2015

Tanggal 21 April 2016 meninggalkan kenangan manis buat 61 orang warga kerja MPAJ yang menerima Anugerah Pehkhidmatan Cemerlang Tahun 2015. Majlis yang dihadiri oleh YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah diadakan di Hotel De Palma, Ampang. Majlis yang disambut sederhana tetapi meriah itu turut menyaksikan 2 orang kakitangan menerima Anugerah Khas Sukan, seorang kakitangan mendapat Anugerah Khas Pemandu, dan 10 penghargaan kepada pesara. Para tetamu telah dipersembahkan dengan persembahan tarian daripada Sekolah Kebangsaan Pandan Indah dan kumpulan akustik Jabatan Bangunan & Senibina MPAJ. YAB. Dato' Menteri Besar Selangor melalui ucapannya mengharapkan agar kecemerlangan yang dicapai oleh MPAJ akan dikekalkan pada tahun-tahun mendatang agar kekal relevan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat. Beliau turut memaklumkan bahawa kerajaan negeri kini dalam perbincangan dengan syarikat yang membangunkan aplikasi navigasi Waze bagi membenarkan pengguna jalan raya melaporkan terus jalan yang berlubang kepada majlis perbandaran. Kerjasama ini diharap dapat mempertingkatkan tahap kecekapan pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

21 April 2016 leaved fond memories for 61 employees of MPAJ whom received the 2015 Excellent Service Award. The ceremony that was held at De Palma Hotel, Ampang was attended by YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Chief Minister of Selangor. Apart from the Excellent Service Award, two of our staff received the Special Award of Sports while an employee received Driver's Special Award. MPAJ also showed our appreciation to 10 pensioners for the year 2016. Guests were entertained by dance performance from Sekolah Kebangsaan Pandan Indah and acoustics performance from the Buildings and Architectural Department of MPAJ. The Chief Minister of Selangor through his speech hoped that the excellence achievement by MPAJ in the year 2015 will be maintained in the coming years in order to remain relevant in providing the best services to the local community. He also informed that the Selangor State Government is currently in discussions with the company that developed the navigation application, Waze to allow motorists to report potholes directly to municipalities. This cooperation is expected to enhance the efficiency of local authorities in the administration area of Selangor.

## LARIAN MALAM AMPANG JAYA 2016 ("AMPANG JAYA NIGHT RUN 2016")

Acara larian malam yang dikenali sebagai "Ampang Jaya Night Run 2016" telah berjaya menarik penyertaan hampir 3,000 peserta dari pelbagai bangsa dan golongan. Acara yang diadakan di Padang Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah pada 23 April 2016 turut disertai Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali yang telah melepaskan peserta dan sama-sama berlari dalam program tersebut. Turut hadir adalah Ahli Parlimen Ampang, YB. Puan Zuraida Kamaruddin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, YB. Puan Tiew Way Keng; Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; ketua-ketua agensi yang terlibat dengan penganjuran; Ahli Majlis MPAJ; serta ketua jabatan dalaman MPAJ. Menteri Besar telah melahirkan rasa bangga dengan penganjuran program itu yang mampu memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai bangsa bersesuaian dengan matlamat Kerajaan Negeri. Program sulung anjuran MPAJ ini bermatlamat untuk memberikan kesedaran kepada rakyat khususnya di kawasan ini bahawa sukan dan aktiviti riadah penting bagi menjaga kesihatan masing-masing. "Ampang Jaya Night Run 2016" mempertandingkan dua acara iaitu laluan 5 km dan 10 km untuk disertai kanak-kanak, orang dewasa dan veteran mengikut kategori masing-masing.



## AMPANG JAYA NIGHT RUN 2016

Ampang Jaya Night Run 2016 has attracted nearly 3,000 participants from various nations and groups. The event that was held at Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah on 23 April 2016 was also attended by the Chief Minister of Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali. Also present were Ampang Parliament Member, YB. Puan Zuraida Kamaruddin; Teratai Assemblyman, YB. Puan Tiew Way Keng; MPAJ's President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; heads of the agencies involved with the program; MPAJ's Councilors; and MPAJ's internal Head of Departments. Selangor Chief Minister expressed his pride in this program that can foster unity among the various races in line with the objectives of the Selangor State Government. The inaugural program organized by MPAJ was aim to create awareness among residents on the importance of sports and recreation activities in maintaining good health. Ampang Jaya Night Run 2016 provided two routes, 5 km and 10 km for children, adults and veterans according to their respective categories.



## LAWATAN PANEL PEMERIKSA SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2016

Seramai lima (5) orang panel daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah hadir ke MPAJ pada 25 April 2016 bagi melakukan pemeriksaan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan. Barisan panel yang hadir adalah En. Sanjay A/L S.Dharmalingam, Y.Bhg. Datin Elya Juliana Binti Abdul Wahab, En. Muhammad Ziyad Izdihar Bin Lim, En. Fariz Ubaidullah Bin Mahamud dan En. Nasrul Hissam Bin Ab Rahman. Sesi lawatan telah dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ; diikuti dengan sesi taklimat ringkas. Proses auditan dan pemeriksaan dokumen pembuktian telah berlangsung dari jam 10 pagi hingga jam 5 petang. Pemeriksaan dibahagikan kepada beberapa kriteria utama iaitu (a) Pengurusan Organisasi; (b) Pengurusan Kewangan; (c) Pengurusan Sumber Manusia; (d) Perkhidmatan-perkhidmatan Teras; (e) Pengurusan Pelanggan; dan (f) Penglibatan Komuniti dan Pandangan Penduduk. Diharapkan agar MPAJ memperoleh keputusan yang cemerlang.

## VISIT BY LOCAL AUTHORITIES' STAR RATING SYSTEM AUDIT PANEL (SPB-PBT) 2016

A total of five (5) panels from the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT) came to MPAJ on 25 April 2016 to conduct audit on Star Rating System for Local Authorities. The panels were En. Sanjay A/L S.Dharmalingam, Y.Bhg. Datin Elya Juliana Binti Abdul Wahab, En. Muhammad Ziyad Izdihar Bin Lim, En. Fariz Ubaidullah Bin Mahamud, dan En. Nasrul Hissam Bin Ab Rahman. The session began with opening remarks by Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, the President MPAJ; followed by a short briefing. The audit process and inspection on documents was held from 10 am to 5 pm. The audit process was divided into several main criteria, namely (a) Organization Management; (b) Financial Management; (c) Human Resources Management; (d) Core Services; (e) Customer Management; and (f) Community Involvement and Citizen's Overview. MPAJ is hoping to get flying colors for this audit.



## SESI PEMBENTANGAN LAPORAN BAGI PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) 2016

## LOCAL AUTHORITIES INNOVATION AWARD (AIPBT) 2016 PRESENTATION SESSION

MPAJ telah menghantar laporan bagi penyertaan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016 kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 15 Mac 2016. Pada 26 April 2016, MPAJ telah dijemput bagi membuat pembentangan peringkat pertama di hadapan panel penilai KPKT di Putrajaya. Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ telah membentangkan pengurusan inovasi MPAJ dengan dibantu oleh Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat. Alhamdulillah MPAJ telah disenarai pendek bagi proses penilaian peringkat akhir pada 27 Mei 2016.

MPAJ has sent a report to participate in the Local Authorities Innovation Award (AIPBT) 2016 to the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT) on 15 March 2016. On 26 April 2016, MPAJ has been invited to make a presentation for the first stage of the evaluation process by KPKT in Putrajaya. Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Vice President of MPAJ presented the innovation management of MPAJ assisted by Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department. MPAJ has been shortlisted for the final stage of the assessment process on 27 May 2016.

## KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

كڤڤتڤرڤن كسڤڤتڤرڤن باندڤر. قڤڤمڤن دان كڤڤڤان تڤڤاتڤن

Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government of Malaysia  
www.mpa.gov.my





# PERTANDINGAN KEJIRANAN TERBAIK AMPANG JAYA 2016

## "TEMA: KEJIRANAN HIJAU ASAS PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEJAHTERA"

### ANUGERAH

1

- a. Johan akan menerima Piala, Sijil Kepujian, geran pembangunan berjumlah RM 5,000.
- b. Naib Johan akan menerima Piala, Sijil Kepujian dan geran pembangunan berjumlah RM 4,000.
- c. Tempat Ketiga akan menerima Piala, Sijil Kepujian dan geran pembangunan berjumlah RM 3,000.
- d. 3 Anugerah Khas dengan Sijil Kepujian dan geran pembangunan sejumlah RM 1,000 setiap satu.
- e. Persatuan penduduk yang memperolehi markah 70% dan keatas akan menerima hadiah saguhati sebanyak RM250.00 dan sijil penyertaan.
- f. Bagi yang tidak berjaya akan menerima sijil penyertaan sahaja.

2

Kriteria penilaian adalah berdasarkan kepada kategori - kategori berikut:

- |                                  |           |
|----------------------------------|-----------|
| 3.1 Profil Organisasi            | 10 markah |
| 3.2 Kategori Alam Sekitar        | 25 markah |
| 3.2 Kategori Kemasyarakatan      | 20 markah |
| 3.3 Kategori Inovasi dan Kreatif | 5 markah  |

Anugerah ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk berdaftar, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Pengurusan Bersama (JMB). Sekiranya di dalam satu taman mempunyai 2 atau 3 badan/NGO, mereka hendaklah bergabung atau menggunakan satu nama sahaja.

3

Penyertaan hendaklah dikemukakan mengikut format berikut: -

- A. Profil Kejiranan
- B. Profil Komuniti
- C. Profil Organisasi
- D. Inisiatif Kejiranan Hijau
- E. Perakuan

**SEGALA  
KEPUTUSAN  
JURI ADALAH  
MUKTAMAD**

Format ini boleh diperolehi dalam bentuk "*hard copy*" dan "*soft copy*" (e-mel)

Penyertaan hendaklah mengemukakan **1 salinan**.

Penyertaan hendaklah dikemukakan kepada **Jabatan Belia dan Masyarakat, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, 55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur** sebelum atau pada **11 hb NOVEMBER 2016, jam 5.00 petang**. Semua penyertaan akan diperakui terima.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Program di talian  
03-42968012 / 03-42971685  
(Pn. Hasliza / Pn. Faridah/ En. Rahinan).